BAB 8

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Bab ini adalah bab kesimpulan tentang apa yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Komuniti yang dikaji adalah komuniti yang bersifat dwibahasa. Komuniti ini menjadi dwibahasa kerana dua faktor utama; pertama anggota komuniti ini terdiri dari dua keturunan utama yang mempunyai dua bahasa utama yang berbeza. Kedua-dua keturunan ini telah hidup bersama menjadi satu komuniti dengan berkongsi budaya, agama, dan tempat yang sama serta mempunyai satu rasa kesatuan. Faktor kedua yang menjadikan mereka dwibahasa adalah pengaruh bahasa lain yang lebih dominan dipersekitaran mereka. Bahasa lain yang dominan ini disebabkan jumlah penutur yang ramai dan juga disebabkan oleh polisi kerajaan. Anggota komuniti ini semuanya boleh berbahasa Iban kerana penutur bahasa Iban merupakan golongan paling ramai di daerah ini. Bahasa Melayu pula masuk ke dalam komuniti ini melalui polisi kerajaan. Bahasa ini adalah bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan.

Bahasa Tanjong dikuasai oleh 12.1% daripada jumlah keseluruhan responden. Mereka ini terdiri daripada responden yang berketurunan Tanjong dan berumur lebih tiga puluh enam tahun. Terdapat juga responden yang kurang fasih dalam bahasa ini, iaitu 11.0% daripada jumlah keseluruhan responden. Responden dari generasi muda, yakni kurang daripada tiga puluh enam tahun, mereka tidak

menguasai bahasa Tanjong. Selain daripada golongan muda ini, responden yang bukan berketurunan Tanjong juga tidak boleh berbahasa Tanjong.

Bagi bahasa Kanowit, hampir semua anggota komuniti ini menguasai bahasa ini. Hanya 4.54% sahaja yang tidak menguasainya, mereka ini terdiri daripada orang luar yang baru masuk ke dalam komuniti ini melalui perkahwinan. Begitu juga dengan bahasa Iban, semua responden menguasai bahasa ini.

Bahasa Melayu pula dikuasai oleh 47.2% daripada jumlah keseluruhan responden dan 20.9% lagi menguasainya tetapi kurang fasih. Mereka ini terdiri daripada yang berumur kurang empat puluh lima tahun. Responden yang lain tidak boleh bertutur dalam bahasa ini tetapi mereka boleh memahaminya serba sedikit.

Keadaan dwibahasa dalam komuniti ini menyebabkan mereka terpaksa melakukan pemilihan bahasa dalam komunikasi seharian. Pemilihan bahasa ini menyebabkan ada bahasa yang akan terus digunakan dan ada pula bahasa yang tersisih. Dalam domain-domain di sekitar tempat tinggal komuniti ini, mereka menggunakan bahasa Tanjong atau Kanowit. Bahasa Tanjong digunakan dalam domain kekeluargaan bagi keluarga berketurunan Tanjong, terutamanya dalam perhubungan antara suami dan isteri yang kedua-duanya berketurunan Tanjong dan berusia lebih empat puluh enam tahun. Jumlah mereka ini sedikit, iaitu 8.1% sahaja.

Kebanyakan responden memilih menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan antara suami dan isteri. Keadaan ini terjadi pada pasangan suami isteri

yang kedua-duanya berketurunan Kanowit atau kedua-duanya dari keturunan yang berlainan.

Pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong ini dipengaruhi oleh berbagai faktor, seperti faktor pendidikan, sosioekonomi, politik serta dasar kerajaan, lokasi tempat tinggal dan juga faktor psikologi.

Berdasarkan analisis domain seperti yang telah dijalankan oleh Fishman (1968) dan Greenfield (1972), didapati dalam komuniti Rajang-Tanjong ini bahasa ibunda disisih oleh bahasa yang lebih berprestij dalam domain-domain formal. Malahan berdasarkan kajian Parasher (1980) dan David (1996), dalam domain-domain rendah dan tidak formal juga boleh berlaku penyisihan bahasa ibunda. Keadaan ini berbeza dalam komuniti Rajang-Tanjong, bahasa Melayu standard yang merupakan bahasa yang berprestij kerana merupaka bahasa kebangsaan dan bahasa resmi tidak menyisihkan bahasa ibunda walaupun jumlah mereka terlampau sedikit. Bahasa Melayu standard hanya digunakan semasa bersekolah kerana bahasa ini merupakan bahasa pengantar dalam pendidikan.

Anggota komuniti ini yang masih bersekolah atau yang baru meninggalkan bangku sekolah didapati fasih berbahasa Melayu. Mereka dapat menguasai dan memelihara bahasa ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pendidikan. Tahap kemahiran bahasa ini didapati mulai berkurangan apabila semakin lama mereka meninggalkan bangku sekolah. Ini dibuktikan dengan kurangnya tahap kemahiran bahasa Melayu di kalangan responden yang berumur

yang kedua-duanya berketurunan Kanowit atau kedua-duanya dari keturunan yang berlainan.

Pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong ini dipengaruhi oleh berbagai faktor, seperti faktor pendidikan, sosioekonomi, politik serta dasar kerajaan, lokasi tempat tinggal dan juga faktor psikologi.

Berdasarkan analisis domain seperti yang telah dijalankan oleh Fishman (1968) dan Greenfield (1972), didapati dalam komuniti Rajang-Tanjong ini bahasa ibunda disisih oleh bahasa yang lebih berprestij dalam domain-domain formal. Malahan berdasarkan kajian Parasher (1980) dan David (1996), dalam domain-domain rendah dan tidak formal juga boleh berlaku penyisihan bahasa ibunda. Keadaan ini berbeza dalam komuniti Rajang-Tanjong, bahasa Melayu standard yang merupakan bahasa yang berprestij kerana merupaka bahasa kebangsaan dan bahasa resmi tidak menyisihkan bahasa ibunda walaupun jumlah mereka terlampau sedikit. Bahasa Melayu standard hanya digunakan semasa bersekolah kerana bahasa ini merupakan bahasa pengantar dalam pendidikan.

Anggota komuniti ini yang masih bersekolah atau yang baru meninggalkan bangku sekolah didapati fasih berbahasa Melayu. Mereka dapat menguasai dan memelihara bahasa ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pendidikan. Tahap kemahiran bahasa ini didapati mulai berkurangan apabila semakin lama mereka meninggalkan bangku sekolah. Ini dibuktikan dengan kurangnya tahap kemahiran bahasa Melayu di kalangan responden yang berumur

lebih dua puluh lima tahun. Mereka boleh memahami bahasa Melayu standard tetapi mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa tersebut dan apabila usia mereka terus meningkat dan bermakna semakin lama meningggalkan bangku sekolah maka kebolehan berbahasa Melayu standardpun semakin berkurangan dan akhirnya mereka hanya menjadi penutur separa (*semi speakers*).

Namun begitu, terdapat juga sebilangan responden yang mahir berbahasa Melayu walaupun sudah lama meninggalkan bangku sekolah. Mereka ini terdiri daripada responden yang bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan dan perlu berhubung dengan orang ramai. Dasar kerajaan Malaysia yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran sepenuhnya mulai tahun 1985 di negeri Sarawak ini menyebabkan responden yang bekerja dengan jabatan kerajaan mahir berbahasa Melayu.

Dari keadaan ini didapati anggota komuniti ini mempelajari bahasa Melayu standard disebabkan keperluan, seperti yang didapati oleh Chong (1977) dan Schooling (1990) serta berorientasikan motivasi instrumental (Lambert 1967). Apabila keperluan terhadap penggunaan bahasa itu tidak ada lagi, mereka tidak menggunakannya dan penguasaan serta kemahiran dalam bahasa tersebut juga beransur-ansur hilang.

Bahasa yang paling luas penggunaannya adalah bahasa Iban. Bahasa ini digunakan dalam semua domain kecuali domain kekeluargaan, kejiranan dan domain persahabatan yang interlokutornya terdiri daripada anggota komuniti ini.

Bahasa Iban ini sebenarnya bukanlah bahasa yang berprestij kerana tidak berfungsi sebagai bahasa pengantar pendidikan dan pentadbiran. Bahasa ini dikuasai oleh semua anggota komuniti ini dan digunakan sebagai bahasa perhubungan dengan orang luar dari suku kaum lain selain daripada orang Melayu dan Cina. Dengan orang Melayu dan Cina mereka menggunakan bahasa Melayu basahan, iaitu bahasa Melayu kolokial Sarawak.

Faktor utama penguasaan bahasa Iban ini disebabkan oleh faktor sosial. Suku kaum Iban merupakan golongan majoriti di kawasan ini dan mewakili 87.5% penduduk Daerah Kapit. Dari keadaan ini didapati semua responden boleh berbahasa Iban. Bahasa ini penting bagi mereka kerana bahasa ini digunakan dengan meluas di daerah ini. Bahasa Melayu standard hanya digunakan dalam dalam domain pemerintahan dan pendidikan sahaja, bahasa Melayu basahan digunakan juga dalam domain pemerintahan dalam situasi yang tidak berapa formal dan dalam perhubungan dengan orang Melayu dan Cina. Bahasa ini jarang digunakan kerana mereka jarang sekali berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan dan jumlah orang Melayu di kawasan ini adalah amat sedikit, iaitu 8.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Orang Cina pula hanya merupakan 1.6% daripada jumlah penduduk di kawasan ini dan sebahagian besar daripada mereka boleh berbahasa Iban.

Bahasa Kanowit pula digunakan dalam semua domain yang disertai oleh anggota komuniti ini sahaja dan berlaku di sekitar tempat tinggal mereka. Dengan itu bahasa ini juga mengalami pemeliharaan, berbeza dengan bahasa Tanjong yang mengalami penyisihan. Bahasa Tanjong hanya digunakan dalam domain

kekeluargaan di kalangan keluarga berketurunan Tanjong sahaja dan yang berumur lebih tiga puluh enam tahun.

Bahasa Tanjong merupakan bahasa ibunda yang sedang mengalami penyisihan dan berkemungkinan akan pupus, manakala bahasa Kanowit pula adalah bahasa ibunda yang mengalami pemeliharaan dan akan terus hidup. Bagi bahasa Tanjong, tidak berlaku penurunan dari generasi tua kepada generasi yang lebih muda. Keadaan ini sama dengan kenyataan Asmah Hj. Omar (1985) dan David (1996) dan dengan itu dijangkakan bahasa Tanjong ini akan pupus apabila generasi tua tersebut sudah tidak ada lagi nanti.

Bagi anggota komuniti berketurunan Tanjong yang merupakan generasi muda, bahasa ibunda mereka, yakni bahasa Tanjong disisih oleh bahasa Kanowit. Bahasa Kanowit ini juga sebenarnya adalah bahasa ibunda anggota komuniti ini yang berketurunan Kanowit. Keadaan ini berbeza daripada kajian David (1996) yang mendapati bahasa ibunda disisih oleh bahasa yang lebih berprestij dan yang boleh meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi. Kajian Asmah Hj. Omar (1998) pula mendapati bahasa ibunda golongan minoriti bukanlah disisih oleh bahasa golongan majoriti tetapi sebaliknya oleh bahasa anatarabangsa yang lebih berprestij. Dalam kedua-dua kajian ini didapati bahasa ibunda disisih oleh satu bahasa lain yang berfungsi instrumental.

Dalam menerangkan keadaan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong ini, didapati bahasa ibunda mereka bukan disisih oleh bahasa golongan majoriti,

iaitu bahasa Iban dan bukan juga oleh bahasa yang lebih berprestij di kawasan ini, iaitu bahasa Melayu standard, tetapi bahasa ibunda mereka disisih oleh bahasa Kanowit yang merupakan golongan minoriti dan tidak berprestij. Di sini faktor yang mempengaruhi anggota komuniti yang berketurunan Tanjong beralih menggunakan bahasa Kanowit adalah lokasi serta bentuk penempatan dan juga sikap individu. Mereka memilih menggunakan bahasa Kanowit kerana bahasa ini berfungsi integratif seperti yang diutarakan oleh Lambert (1967). Menurut Lambert, seseorang itu mempelajari bahasa lain dengan tujuan untuk mendalami kebudayaan sesuatu komuniti itu sehingga boleh dianggap sebagai anggota komuniti tersebut. Keadaan ini berlaku di kalangan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong. Mereka tidak boleh lagi berbahasa Tanjong dan tidak dapat dibezakan dengan anggota komuniti yang berketurunan Kanowit. Keadaan inilah yang menjadikan mereka sebagai satu komuniti walaupun pada asalnya merupakan dua keturunan yang berbeza.

Lokasi tempat tinggal jelas mempengaruhi pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam komuniti ini. Penempatan asal komuniti ini yang berketurunan Tanjong adalah di Rumah Panjang Mbawang dan yang berketurunan Kanowit pula adalah di Rumah Panjang Penghulu. Apabila anggota komuniti yang berketurunan Tanjong dari rumah panjang yang pertama tadi berkeluarga, mereka membuat rumah di rumah panjang yang kedua atau di kelompok-kelompok lain (rujuk 4.4) kerana keadaan muka bumi di kawasan Rumah Panjang Mbawang tidak membenarkan pembinaan unit-unit tambahan. Kelompok-kelompok lain ini, terutamanya Rumah Panjang Penghulu penduduknya kebanyakannya berketurunan Kanowit.

Keadaan ini menyebabkan golongan muda yang berketurunan Tanjong, yakni yang berumur kurang empat puluh lima tahun kebanyakannya tinggal di kawasan yang ramai didiami oleh anggota komuniti yang berketurunan Kanowit. Dengan itu, anak-anak mereka terdedah kepada bahasa Kanowit sahaja walaupun ibu atau bapa mereka berketurunan Tanjong.

Dalam kehidupan secara berkelompok dan tinggal dalam rumah panjang yang sedemikian rupa, pengaruh rakan-rakan dan jiran sekeliling memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa seseorang kanak-kanak. Mereka terdedah dengan bahasa Kanowit yang digunakan oleh rakan-rakan di sekeliling dan ibu bapa pula tidak mengajar anak mereka bahasa Tanjong. Kanak-kanak dibiarkan menerima dan mempelajari bahasa secara semulajadi. Di sini tidak ada penurunan bahasa Tanjong dari generasi tua kepada generasi yang lebih muda. Keadaan ini sama seperti yang berlaku dalam komuniti Sindhi di Malaysia seperti yang dikesan oleh David (1996). Generasi tua (G1) yang berketurunan Tanjong menyesuaikan bahasa dengan golongan yang lebih muda yang tidak menggunakan bahasa Tanjong. Di sini generasi yang lebih tua bergerak memilih kelainan bahasa yang diterima oleh generasi yang lebih muda. Keadaan ini selaras dengan teori penyesuaian pertuturan. (Giles, 1977). Menurut Lim (1997), salah satu peringkat dalam proses penyisihan bahasa adalah apabila generasi muda mula meninggalkan bahasa ibunda dan menggunakan bahasa lain.

Di kalangan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong ini, mereka menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan silang generasi. Lebih-lebih lagi dari segi psikologi, mereka mempunyai tanggapan bahawa bahasa Tanjong adalah bahasa orang tua serta susah dan mereka juga mengelar bahasa ini sebagai bahasa Tanjong Tua.

Daripada temubual yang telah dijalankan didapati anggota komuniti yang berketurunan Tanjong ini mempunyai sikap negatif terhadap bahasa ibunda mereka. Disebabkan mereka menganggap bahasa ibunda mereka sebagai bahasa orang tua dan susah, maka mereka tidak menurunkan bahasa tersebut kepada generasi muda. Keadaan ini bersesuaian dengan pendapat Asmah Hj. Omar (New Sunday Times, Sept. 6, 1998) yang mengatakan bahawa faktor utama sesebuah komuniti itu dapat mempertahankan bahasanya bukanlah disebabkan oleh jumlah yang ramai, tetapi yang lebih penting adalah sikap dan kesedaran anggota komuniti tersebut untuk memelihara bahasa ibundanya.

Satu lagi faktor yang menyebabkan bahasa Tanjong disisih oleh bahasa Kanowit adalah disebabkan anggota komuniti ini telah terasimilasi ke dalam anggota komuniti yang berketurunan Kanowit. Asimilasi ini disebabkan oleh persamaan dari segi sifat umum, seperti yang telah diutarakan oleh Asmah Hj. Omar (1992). Keturunan Tanjong dan Kanowit ini mempunyai banyak persamaan sehingga sukar untuk membezakan antara kedua-dua keturunan ini. Mereka sama dari segi agama, kebudayaan dan dari segi tempat tinggalpun mereka tinggal di kawasan yang sama. Kerajaan negeri Sarawak mengiktiraf mereka sebagai satu komuniti dengan melantik

seorang ketua masyarakat di kalangan mereka. Disebabkan persamaan ini, mereka cenderung untuk menjadi satu dan bukannya dua keturunan yang berbeza. Keadaan ini sama seperti yang berlaku di kalangan orang Thai Muslim, India Muslim dan orang Acheh di Kedah. (Asmah Hj. Omar, 1992).

Walaupun komuniti ini bergerak ke arah mempunyai satu bahasa ibunda, tetapi mereka tetap merupakan komuniti yang bersifat dwibahasa kerana mereka boleh berbahasa Iban. Bahasa Iban merupakan bahasa perhubungan dengan suku kaum lain yang tinggal di luar lingkungan komuniti ini dan tempat tinggal mereka.

Jadual 8.1: Domain penggunaan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong.

Bahasa Melayu	**Bahasa Iban**	**Bahasa Kanowit**	**Bahasa Tanjong**
Dalam domain formal terutamanya dalam bentuk tulisan dan digunakan oleh orang tertentu sahaja.	Dalam semua domain kecuali dalam domain yang berlaku di penempatan mereka dan domain yang dihadiri oleh orang Melayu.	Dalam semua domain tidak formal yang dihadiri oleh anggota komuniti ini.	Dalam domain keluarga bagi keluarga Tanjong dalam G1 dan G2.

Berdasarkan bentuk pemilihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti Rajang-Tanjong ini, dapat dikesan bahawa terdapat gejala diglosia di dalam komuniti ini. Bentuk diglosia di dalam komuniti ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Gumperz (1964) dan Asmah Hj. Omar (1992), iaitu kewujudan diglosia kecil di dalam diglosia yang lebih besar. Namun begitu terdapat sedikit perbezaan dengan bentuk diglosia yang diutarakan oleh Asmah Hj. Omar dalam kajian beliau yang

melihat kedudukan bahasa Inggeris di Malaysia. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati terdapat diglosia di dalam bahasa H dan dengan itu bahasa H ini telah dibahagikan kepada dua, iaitu H yang tinggi dengan simbol H_H dan H yang rendah dengan simbol H_L.

Dalam komuniti Rajang-Tanjong ini, diglosia yang kecil berlaku dalam bahasa L. Bahasa Melayu standard merupakan bahasa H dan bahasa-bahasa lain adalah bahasa L. Di kalangan bahasa L ini pula terdapat diglosianya sendiri, iaitu bahasa Melayu basahan sebagai bahasa rendah yang tinggi pertama (L_H1), bahasa Iban sebagai bahasa rendah yang tinggi kedua (L_H2), bahasa Kanowit sebagai bahasa rendah yang rendah pertama (L_L1) dan bahasa Tanjong sebagai bahasa rendah yang rendah kedua (L_L2).

Jadual 8.2: Bentuk diglosia dalam komuniti Rajang-Tanjong.

H	Bahasa Melayu Standard	
L	L_H	Bahasa Melayu Basahan (L_H1)
		Bahasa Iban (L_H2)
	L_L	Bahasa Kanowit (L_L1)
		Bahasa Tanjong (L_L2)

Dalam komuniti ini, bahasa Melayu standard merupakan bahasa yang dianggap paling tinggi statusnya. Bahasa ini adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta digunakan dalam perhubungan yang amat formal dalam pentadbiran dan pendidikan serta dalam bentuk tulisan. Anggota komuniti ini menggunakan bahasa Melayu standard dalam situasi amat formal dan penggunaannya terhad pada individu tertentu sahaja seperti pelajar sekolah dan kakitangan kerajaan. Bahasa ini digunakan di sekolah dan yang terlibat hanyalah anggota komuniti ini yang masih bersekolah. Selain itu bahasa ini juga digunakan di pejabat-pejabat kerajaan dan jumlah anggota komuniti ini yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan adalah amat sedikit. Dalam keadaan ini didapati sebahagian besar anggota komuniti ini menggunakan bahasa Melayu standard pada peringkat umur persekolahan sahaja. Apabila umur meningkat, kemahiran berbahasa Melayu standard semakin berkurangan sehingga lama kelamaan mereka hanya menjadi penutur separa (*semi-speakers*), yakni mereka hanya boleh mendengar dan memahaminya sahaja dan tidak boleh lagi bertutur dengan baik dalam bahasa ini. Lebih-lebih lagi bahasa Melayu standard ini tidak pernah digunakan dalam komunikasi biasa.

Dalam urusan-urusan separa formal dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti urusan membuat kad pengenalan, di pejabat pertanian, di kaunter pejabat pos dan sebagainya, anggota komuniti ini menggunakan bahasa Melayu basahan. Bahasa ini sebenarnya bertaraf L kerana tidak mempunyai sistem tulisan dan tatabahasa yang standard. Oleh kerana fungsinya sebagai bahasa perhubungan dalam urusan-urusan separa formal ini, maka dengan itu diletakkan sebagai bahasa bertaraf rendah yang tinggi (L_H). Keadaan ini juga sama dengan bahasa Iban, bahasa ini digunakan dalam

situasi ini apabila interlokutornya bukan orang Melayu atau Cina. Bahasa Iban ini mempunyai sistem tulisan dan terdapat penerbitan-penerbitan di dalam bahasa ini terutamanya yang berbentuk penerangan yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun bahasa ini tidak digunakan dalam situasi formal seperti dalam mesyuarat. Dengan itu kelainan L_H ini dibahagikan kepada dua iaitu yang pertama dan yang kedua. Bahasa Melayu basahan adalah L_H1 dan bahasa Iban pula adalah L_H2.

Bahasa Kanowit dan bahasa Tanjong pula adalah bahasa yang bertaraf rendah yang rendah (L_L). Penggunaan bahasa Kanowit hanya terhad di dalam lingkungan anggota komuniti ini sahaja dalam domain-domain tidak formal seperti kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan. Bahasa Tanjong pula hanya terhad dalam domain kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan di kalangan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong serta terhad di lingkungan kawasan Rumah Panjang Mbawang. Di samping itu hanya digunakan di kalangan anggota komuniti yang berketurunan Tanjong dari G1. Disebabkan keadaan ini, bahasa Kanowit diberi taraf L_L1 dan bahasa Tanjong pula L_L2.

Keadaan diglosia di dalam diglosia yang terdapat di dalam komuniti ini hampir menyamai diglosia di kalangan penduduk Khalapur, India seperti yang dinyatakan oleh Gumperz. Walau bagaimanapun, penduduk Khalapur yang dikaji oleh Gumperz terdiri daripada satu keturunan dan mereka menguasai serta menggunakan keempat-empat bahasa dan kelainan bahasa tersebut berdasarkan situasi. Berbeza dengan komuniti Rajang -Tanjong yang terdiri daripada dua

keturunan utama, iaitu keturunan Tanjong dan keturunan Kanowit serta ada juga yang datang dari keturunan lain seperti Iban dan Lisum. Disebabkan keadaan ini maka terdapat anggota komuniti yang tidak menguasai semua bahasa yang terdapat di dalam komuniti ini. Anggota komuniti yang berketurunan Kanowit tidak boleh bertutur dalam bahasa Tanjong dan yang berketurunan Iban pula tidak boleh bertutur dalam bahasa Tanjong dan Kanowit.

Secara keseluruhannya didapati faktor-faktor di atas tadi mempengaruhi bentuk pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong ini. Tahap pemeliharaan dan penyisihan bahasa juga didapati berbeza mengikut peringkat umur. Bahasa yang mengalami pemeliharaan adalah bahasa Kanowit dan bahasa Iban, dan bahasa ini mengalami pemeliharaan dalam semua peringkat umur. Manakala bahasa yang mengalami penyisihan pula adalah bahasa Tanjong dan bahasa Melayu standard. Bahasa Tanjong mengalami penyisihan pada generasi muda, iaitu di kalangan anggota komuniti yang berumur kurang tiga puluh enam tahun. Bahasa Melayu pula mengalami penyisihan pada generasi yang agak tua, iaitu di kalangan anggota komuniti yang berumur lebih tiga puluh enam tahun. Dalam peringkat umur ini juga terdapat anggota komuniti yang tidak pernah mempelajari bahasa Melayu secara formal. Walau bagaimanapun mereka boleh memahami dan bertutur serba sedikit dalam bahasa Melayu basahan.